

Institut Confucius Ditubuhkan di UMS

Terakhir dikemaskini: Khamis, 06 Disember 2018 20:22 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 214


Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 06 DISEMBER - Institut Confucius (CI) telah diluluskan penubuhannya di UMS pada 13 November 2018 oleh Hanban, iaitu agensi kerajaan China yang mengurus selia Institut Confucius.

Perbincangan lanjut bersama Hanban tentang perkara ini telah diadakan semasa persidangan Institut Confucius ke-13 yang diadakan di Chengdu, China pada 4-5 Disember, 2018.

Persidangan ini dihadiri oleh lebih daripada 2000 delegasi dari seluruh dunia, khususnya institusi yang mempunyai Institut Confucius. Delegasi UMS ke persidangan ini diketuai oleh Datuk K Y Mustafa, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS. Pelaksanaan dan

perasmian Institut ini di UMS dijadualkan pada awal tahun 2019.

Penubuhan Institut Confucius di UMS ini menjadikan UMS institusi pendidikan tinggi ke-3 (IPTA ke-2) di Malaysia yang mempunyai Institut ini dan antara sekitar 510 Institut Confucius di 127 buah negara.

Dua institusi di Malaysia yang mempunyai Institut ini ialah Universiti Malaya dan Segi University. Peranan utama Institut ini adalah menyumbang kepada pembelajaran Bahasa Mandarin dan pertukaran kebudayaan dengan negara China.

Dalam konteks UMS, Institut ini boleh memberi manfaat kepada pelajar UMS dan masyarakat setempat di negeri Sabah. Sebahagian dari kos operasi Institut ini akan ditanggung oleh pihak Hanban.

UMS mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelbagai pihak di Malaysia mahupun di China atas sokongan dan sumbangan yang diberikan yang akhirnya membawa kepada kejayaan usaha untuk mewujudkan Institut Confucius di UMS.

